

SOALAN LAZIM

Umum, Bakat, Syarikat, Insentif





Apa yang dimaksudkan dengan Akademi dalam Industri (Ail)?

Ail adalah program kerajaan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi membangunkan bakat industri masa hadapan. Ia bertujuan untuk membuka ruang kepada para belia bagi mendapatkan peluang pekerjaan serta memperoleh sijil kemahiran yang diiktiraf oleh kerajaan.

Apakah konsep Akademi dalam Industri (Ail)?

Program ini menggunakan konsep *Place and Train* di mana bakat akan bekerja di dalam syarikat dan diberikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Adakah bakat/syarikat akan dikenakan sebarang yuran penyertaan?

Tiada yuran penyertaan.

Adakah Akademi dalam Industri (Ail) merupakan Pusat Latihan Kemahiran?

Tidak, Ail merupakan program mudahcara antara bakat dan syarikat sahaja.



UMUM

Bagaimana cara untuk bakat/syarikat mendaftar?

Sila layari portal rasmi Akademi dalam Industri (Aii) melalui <https://aai.gov.my/>.

Sekiranya bakat/syarikat mempunyai persoalan lanjut, siapakah yang boleh dihubungi?

Boleh hubungi nombor atau hantar mesej yang tertera di portal Akademi dalam Industri (Aii).



BAKAT

Siapakah yang layak mendaftar program Akademi dalam Industri (Aii)?

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur 18 – 40 tahun (Tahun semasa permohonan)
3. Mempunyai kemahiran 3M – Membaca, Menulis, Mengira.
4. Lulus ujian saringan Aii

Apakah kategori bakat Akademi dalam Industri (Aii)?

Empat (4) kategori bakat iaitu:

Lepasan Sekolah

Graduan TVET & Graduan IPT

Kembali Bekerja (Return-to-Work)

Tenaga kerja yang belum digunakan sepenuhnya (Untapped Workforce)

Apakah kelebihan menyertai program Akademi dalam Industri (Aii)?

1. Mendapat pekerjaan.
2. Mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh kerajaan.
3. Mendapat kemahiran bekerja di industri dan diiktiraf oleh industri.
4. Mendapat insentif daripada kerajaan (bergantung pada tempoh latihan).
5. Mendapat gaji dan faedah sebagai pekerja daripada syarikat.

Adakah bakat boleh memilih bidang pekerjaan?

Ya, pemohon boleh membuat pemilihan bidang.



BAKAT

Berapakah tempoh latihan yang dijalankan?

Tempoh latihan adalah 9 – 18 bulan mengikut tahap SKM yang diambil.

Persijilan apa yang ditawarkan oleh Akademi dalam Industri (Aii)?

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 - 3 yang diiktiraf oleh kerajaan.

Boleh ke bakat mendaftar Akademi dalam Industri (Aii) sekiranya pernah mendapat sijil kemahiran micro-credential?

Ya, bakat masih boleh mendaftar.

Adakah bakat akan dikenakan penalti sekiranya berhenti sebelum tamat tempoh program?

Tiada penalti dikenakan tetapi akan disenarai hitam daripada menyertai program Akademi dalam Industri (Aii).



BAKAT

Adakah OKU dan golongan rentan layak untuk mendaftar program Akademi dalam Industri (AiI)?

Ya, bakat daripada golongan ini layak.

Adakah bakat akan mendapat gaji selain daripada insentif?

Ya, gaji minimum ialah RM1,500.00.

Adakah bakat boleh terus bekerja selepas tamat tempoh latihan?

Ya, bakat boleh terus bekerja di syarikat selepas tamat tempoh latihan.



SYARIKAT

Syarikat dalam sektor/industri apa yang terlibat dalam Akademi dalam Industri (AiI)?

Terdapat 28 sektor/industri utama iaitu:

- Automotif
- Elektrikal & Elektronik
- Sains Hayat & Teknologi Perubatan
- Kimia dan Bahan Termaju
- F&B & Peruncitan
- Aero-Angkasa
- Logistik
- Pelancongan
- Mesin dan Peralatan
- Pembinaan & Alam Bina
- Industri Minyak dan Gas
- Pertanian dan Agro-makanan
- Farmaseutikal
- Peranti Perubatan
- Digital dan ICT
- Pemprosesan Makanan
- Perkhidmatan Global dan Perkhidmatan Profesional
- Halal
- Perkhidmatan berkaitan Pembuatan
- Logam
- Mineral
- Produk Berasaskan Minyak Sawit
- Rel
- Produk Berasaskan Getah
- Pembinaan dan Pembaikan Kapal
- Tekstil, Pakaian dan Kasut
- Kayu, Perabot dan Kertas
- Tenaga yang boleh diperbaharui



SYARIKAT

Apakah syarat untuk syarikat mendaftar program Akademi dalam Industri (Aii)?

Tiada syarat. Semua syarikat boleh mendaftar sekiranya mempunyai kekosongan pekerjaan.

Apakah kelebihan syarikat menyertai program Akademi dalam Industri (Aii)?

1. Mendapat pekerja secara berterusan.
2. Pemadanan pekerjaan antara syarikat dan pekerja.
3. Syarikat akan mendapat insentif daripada kerajaan (bergantung kepada tempoh program kemahiran).
4. Tuntutan levi boleh dibuat dengan HRDCORP (syarikat pencarum).
5. Layak menerima potongan cukai pendapatan syarikat.

Adakah syarikat perlu menyediakan surat tawaran bekerja kepada pekerja?

Ya, syarikat perlu menyediakan surat tawaran sebagaimana pekerjaan biasa.

Adakah syarikat perlu membayar gaji kepada bakat Aii?

Ya. Syarikat perlu membayar gaji sekurang-kurangnya gaji minimum seperti yang digariskan oleh kerajaan. Individu tertakluk kepada Akta Kerja 1955 dan peraturan - peraturan syarikat untuk pekerja.



SYARIKAT

Berapakah tempoh latihan yang akan dijalankan syarikat?

Syarikat yang menawarkan pekerjaan perlu melatih dan mensijilkan pekerja - pekerja mereka secara kerja - latihan kemahiran (on the job training) dalam tempoh minimum 9 bulan dan maksimum sehingga ke - 18 bulan bergantung kepada jenis kemahiran yang dipilih oleh majikan.

Apakah struktur kursus yang ditawarkan oleh setiap syarikat?

Program Ail berorientasikan pekerjaan yang menggabungkan latihan kemahiran di tempat kerja (70%-80%) dan pembelajaran teori (20%-30%).

Sekiranya syarikat tidak berminat dengan program Ail, adakah syarikat boleh menggunakan platform ini untuk mencari pekerja?

Ya, syarikat boleh menggunakan portal ini untuk mencari pekerja sebagaimana portal mencari pekerja yang lain.



INSENTIF

Adakah bakat layak mendapat insentif di bawah program Akademi dalam Industri (Aii) jika telah mempunyai sijil akademik / kemahiran sebelum ini?

Ya, bakat daripada golongan ini layak menerima insentif.

Adakah bakat layak mendapat insentif jika berpindah ke syarikat lain?

Tidak layak.

Bagaimana cara pembayaran insentif oleh kerajaan?

Bayaran disalurkan kepada syarikat dan syarikat bertanggungjawab untuk mengagihkan kepada bakat dan Pusat Latihan (jika ada).

Bagaimana cara untuk syarikat membuat tuntutan insentif tersebut?

Syarikat perlu membuat tuntutan di portal MySPIKE JPK.



INSENTIF

Apakah insentif yang akan diterima oleh bakat dan syarikat?

KATEGORI	BAYARAN PERTAMA (Dalam tempoh sebulan selepas Bakat didaftarkan)	BAYARAN KEDUA (Bulan ke-9 latihan)	BAYARAN TERAKHIR (Bulan ke-18 latihan)
BAKAT (PEKERJA)	1,500	500	500
SYARIKAT	200	200	200
PUSAT LATIHAN (PL)	300	300	300

*dibayar mengikut tempoh latihan

*sekiranya syarikat menggunakan tenaga pengajar dalaman, syarikat akan menerima RM500

UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Portal Rasmi
aii.gov.my

Menara Matrade, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
Kompleks Kerajaan, 50480 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Hubungi kami untuk maklumat berkenaan penyertaan:

aii.gov.my
012-300 7289 (Bakat)
012-925 4820 (Syarikat)